



SISTEM HOMEROOM DI MRSM

PENDAHULUAN

Idea mengenai Homeroom ini telah diperkenalkan sejak tahun 1972 di MRSM Seremban dan kemudiannya dikembangkan ke MRSM-MRSM lain. Sejak itu program Homeroom menjadi sebahagian program MRSM yang tidak boleh dipisahkan daripada program-program lain di MRSM.

Program Homeroom sebagai teras kepada sistem pendidikan MRSM adalah untuk mendidik pelajar menjadi matang dan menjadi manusia lengkap untuk menghadapi cabaran masa depan. Proses pendidikan ini dibimbing oleh seorang guru penasihat. Di samping selalu proses pembelajaran akademik, pelajar juga akan didedahkan dengan budaya penerokaan sejajar dengan penerokaan di bidang Sains (Scientific Enquiry) melalui program pengkayaan.

RASIONAL PENUBUHAN HOMEROOM

1. Pelajar-pelajar MRSM yang berbeza pengetahuan, pencapaian, pengalaman dan latar belakang sosio ekonomi yang berbeza perlu diberi pendedahan supaya wujud persefahaman dan perasaan kekitaan dikalangan mereka.
2. Corak atau cara hidup di MRSM yang berbeza memerlukan pelajar mendapat bimbingan dan tunjukajar supaya mereka memahami situasi dan cara hidup yang baru itu melalui suatu agensi yang tertentu.
3. Program Homeroom membolehkan perhatian dan bimbingan kepada kanak-kanak yang masih dalam perkembangan dan pertumbuhan ke arah kematangan. Pada peringkat umur ini pelajar begitu mudah mengalami gangguan emosi dan mudah tersinggung dengan sebab-sebab yang kecil, remeh atau yang tidak munasabah pada anggapan orang dewasa. Oleh itu masalah emosi pelajar-pelajar perlu mendapat perhatian dan bimbingan terutama sekali dari pihak orang-orang dewasa.
4. Kanak-kanak sangat memerlukan seseorang sebagai tempat dia mengadu hal dan menyatakan masalah peribadinya. Oleh itu satu suasana yang memungkinkan pelajar-pelajar memenuhi keperluan begini perlu disediakan.
5. Selaras dengan pendekatan yang diamalkan di MRSM seperti pemusatan kepada pelajar dan belajar melalui penemuan, maka kesempatan untuk pelajar-pelajar mendapat bimbingan yang lebih bermakna perlu diadakan.
6. Homeroom boleh memberi kesempatan dan mengujudkan suasana perhubungan yang rapat dan saling memahami antara guru dan pelajar-pelajar. Perkara ini adalah penting untuk mengujudkan suasana pembelajaran yang menarik.
7. Menyediakan kesempatan untuk guru-guru memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik yang sebenarnya dalam kurikulum MRSM.




DEFINISI HOMEROOM

Sekumpulan pelajar sebaya menjalani hidup bersama dalam suasana persaudaraan dengan seorang guru penasihat yang berfungsi sebagai pembimbing dan penjaga dalam ruang dari waktu yang tidak terbatas.

PERANAN HOMEROOM

Program Homeroom sebagai teras kepada sistem pendidikan MRSM adalah untuk mendidik pelajar menjadi matang dan menjadi manusia lengkap untuk menghadapi cabaran masa depan. Proses pembelajaran pelajar semasa menjadi pelajar MRSM adalah seperti ditunjukkan oleh gambarajah berikut :



Gambarajah 1. Homeroom sebagai teras pendidikan di MRSM.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan Homeroom memainkan peranan berikut :

1. Menjadi teras dan pusat kegiatan seluruh aktiviti pembelajaran dan perkembangan pelajar semasa mereka menjadi pelajar MRSM.
2. Mengujudkan suasana pembelajaran yang lebih hidup dan praktikal berasaskan hubungan mesra. Ini boleh memberikan kepuasan belajar kepada individu atau kumpulan.
3. Melengkapkan diri pelajar-pelajar dengan pelbagai pengetahuan dan pengalaman ke arah melahirkan individu yang berfikiran rasional, kritikal, berpandangan jauh, cepat dan tepat membuat keputusan mahupun secara individu atau kumpulan.
4. Membentuk sikap dan sahsiah yang dinamis, berinisiatif, sanggup bekerja keras, berani mencuba, tabah, bercita-cita tinggi, bertanggungjawab dan berdikari.
5. Menyedia dan melengkapkan diri pelajar-pelajar dengan nilai-nilai masyarakat dan negara.



OBJEKTIF HOMEROOM

1. Membantu pelajar-pelajar menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi mahupun yang bersifat umum atau peribadi.
2. Memberikan bimbingan yang sempurna kepada setiap aspek perkembangan pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran.
3. Memupuk semangat dan perasaan persaudaraan, kekitaan dan tanggungjawab bersama yang tinggi dan menyeluruh.
4. Menyalurkan minat ingin tahu dan bakat pelajar mengikut kemampuan dan peringkat pelajar-pelajar.
5. Mengesan dan menolong pelajar-pelajar yang menghadapi masalah-masalah emosi.
6. Membantu pelajar-pelajar menyesuaikan diri dengan kehidupan di MRSM.
7. Mengembangkan bakat pelajar-pelajar dalam berbagai bidang.
8. Meninggi dan menyalurkan sifat ingin tahu dan minat pelajar.
9. Menggalakkan pelajar-pelajar merancang dan melaksanakan sendiri aktiviti-aktiviti mereka.
10. Memperolehi pengetahuan dan pengalaman melalui penglibatan diri sendiri.
11. Memupuk persefahaman dan perpaduan dikalangan pelajar-pelajar.
12. Menanamkan perasaan bertanggungjawab dan kasih kepada MRSM.
13. Mengujudkan hubungan yang mesra antara guru-guru dan pelajar.
14. Merancang dan mengadakan aktiviti-aktiviti riadah.
15. Mengawasi tingkahlaku atau disiplin pelajar.
16. Mengadakan kegiatan bimbingan dan rundingcara.
17. Mempelajari dan memahami nilai-nilai masyarakat.
18. Memupuk sifat-sifat terpuji dan berhemah tinggi.
19. Meninggikan kesedaran sivik dan perasaan kewarganegaraan Malaysia.



FUNGSI HOMEROOM

Selaras dengan objektif dan tujuan-tujuannya, keluarga pelajar harus berfungsi sekurang-kurangnya seperti di bawah :

1. Sebagai Satu Unit Keluarga

Guru penasihat sebagai pengganti penjaga pelajar-pelajar di Maktab mestilah merasakan bahawa pelajar-pelajar di bawah jagaannya adalah seperti anak atau keluarganya sendiri dalam konteks memberikan pelajar-pelajar bimbingan dan didikan.

2. Saluran Mengesan dan Menyelesaikan Masalah

Menjadi satu medan dan lebih praktikal dalam mengesan dan menyelesaikan masalah-masalah pelajar, tempat untuk tempat mengadu hal dan membincangkan masalah-masalah mereka.

3. Saluran Pembentukan Sikap

Satu saluran untuk membentuk sikap-sikap yang positif dikalangan pelajar seperti sikap bertanggungjawab, berani mencuba, tidak mudah putus asa, sanggup menerima risiko atau kritik secara rasional, memupuk dan mengukuhkan sikap suka berdikari, menghasilkan sesuatu kerja dengan baik, suka membantu orang lain, suka berlumba-lumba untuk sesuatu yang baik dengan cara yang baik. Ia juga berfungsi untuk mengesan dan menghapuskan sikap negatif di kalangan pelajar-pelajar.

4. Medan Pembentukan Keperibadian

Membentuk dan memupuk sifat-sifat yang mencerminkan keperibadian warga Malaysia yang matang, bersahsiah yang dinamis, bertatasusila, mempunyai kesedaran sivik yang tinggi.

5. Saluran Mengembangkan Minat

Mengesan bakat, minat dan perasaan ingin tahu pelajar serta menyalurkannya mengikut kemampuan pelajar, memberikan dorongan dan bimbingan kepada pelajar untuk mengembangkan bakat atau minat mereka serta meninggikan motivasi pencapaian pelajar dalam bidang-bidang yang diceburi oleh mereka.



6. **Badan Kebajikan**

Menjaga kebajikan ahli dalam semua aspek kehidupan dan mengukuhkan perpaduan dan persefahaman di kalangan pelajar, memberikan pelajar pengetahuan atau pengalaman tertentu seperti mengendalikan mesyuarat membuat keputusan, melaksanakan sebarang aktiviti atau projek, memperkaya dan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran meliputi kegiatan-kegiatan riadah, sosial dan akademik untuk faedah pelajar.

7. **Unit Pentadbiran**

Memudahkan hal ehwal pentadbiran yang berkaitan dengan pelajar dengan memberikan kerjasama kepada pihak yang berkaitan dalam kerja-kerja pengumpulan data, penyediaan laporan dan lain-lain serta melaksanakan peraturan-peraturan pentadbiran dan disiplin pelajar-pelajar.

8. **Alat Perpaduan**

Menyatukan pemikiran dan tanggapan pelajar-pelajar yang datang dari berbagai latar belakang sosio ekonomi, meminimumkan perbezaan sosio ekonomi dan menggalakkan pelajar-pelajar bekerja secara kumpulan dengan nilai-nilai kerjasama yang tinggi.

9. **Agen Pemasarakatan**

Menjadi agen pamasarakatan untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami cara hidup, adat kebiasaan dan nilai-nilai masyarakat dengan mengembangkan proses pendidikan formal dengan proses pamasarakatan pelajar-pelajar, mendekat dan menghubungkan cara hidup dan pemikiran pelajar dengan perkembangan-perkembangan yang terjadi di dalam masyarakat dan negara.

PELAKSANAAN HOMEROOM

Dalam pelaksanaan Homeroom di MRSM, Homeroom hendaklah menjadi teras dan pusat kegiatan pelajar baik dari segi aktiviti, pelaporan dan penilaian sesuatu kegiatan.

Pembentukan Homeroom

Guru Penasihat

Tugas Guru Penasihat Homeroom

Pentadbiran

Aktiviti Homeroom



A. Pembentukan Homeroom

1. Pembentukan Homeroom ditentukan oleh pihak Maktab.
2. Semua pelajar mesti menjadi ahli Homeroom.
3. Jumlah anggota satu-satu kumpulan Homeroom adalah terhad dan tidak melebihi 15 orang pelajar.
4. Keahlian satu-satu Homeroom terdiri dari pelajar-pelajar sebaya. Satu kumpulan sebaya boleh terdiri daripada :
 - a. Pelajar dalam satu tingkatan sama ada mengikut kelas atau daripada berbagai-bagai kelas.
 - b. Pelajar tingkatan 4 dan 5.
 - c. Pelajar tingkatan 1, 2, dan 3.
5. Ciri-ciri lain Homeroom adalah seperti berikut :
 - a. Ahli yang berbeza latar belakang sosio ekonominya dan berasal dari kawasan yang berlainan.
 - b. Ahlinya tidak terhad kepada satu jantina.
 - c. Mempunyai seorang penasihat yang dilantik oleh Pengetua.

B. Guru Penasihat

1. Guru penasihat hendaklah diberi penerangan, pendedahan atau sebarang bentuk kursus bagi membolehkannya menjadi guru penasihat Homeroom yang berkesan.
2. Tugas menjadi penasihat Homeroom merupakan salah satu tugas penting yang diambilkira dalam penilaian prestasi tahunan seseorang guru MRSM (Lampiran 1).
3. Guru penasihat berperanan menjayakan semua tujuan, fungsi dan objektif Homeroom yang ditetapkan dari masa ke semasa.
4. Melainkan ada perkara-perkara luar biasa dan tidak dapat dielakkan, guru penasihat akan menjadi guru penasihat sesuatu Homeroom sepanjang masa kumpulan pelajar berkenaan menjadi pelajar MRSM

C. Tugas Guru Penasihat Homeroom

1. Perlantikan
 - a. Guru penasihat mestilah dilantik oleh Pengetua daripada kalangan guru MRSM.
 - b. Ketua-ketua Jabatan serta guru-guru tertentu boleh dikecualikand ari menjadi guru penasihat atas budibicara Pengetua.



2. Tugas-Tugas Penasihat

a. Tugas Umum

- i. Menjaga kebajikan pelajar-pelajar khusus mengenai penginapan, makanan, kesihatan dan keselesaan belajar.
- ii. Memberikan khidmat nasihat dan perhatian yang sepatutnya kepada pelajar-pelajar bermasalah.
- iii. Membimbing dan menyalurkan minat serta ingin tahu pelajar mengikut peringkat dan kemampuan pelajar.
- iv. Memperluaskan pengetahuan dan kegiatan pembelajaran pelajar.
- v. Memberikan tunjuk ajar dan bimbingan dalam setiap aspek kehidupan pelajar.

b. Pentadbiran

- i. Menjadi penghubung atau perantaraan pihak pentadbir dengan pelajar-pelajar berkaitan dengan hal ehwal pelajar.
- ii. Membincangkan dengan pihak-pihak tertentu berkaitan dengan masalah-masalah atau hal ehwal pelajar.
- iii. Memberitahu guru-guru berkaitan dengan masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh individu atau kumpulan pelajar-pelajar untuk perhatian guru-guru yang berkenaan.
- iv. Menyampaikan dan membincangkan masalah-masalah pelajar dalam mesyuarat guru.
- v. Memastikan pelajar-pelajar mendapat kemudahan-kemudahan yang sepatutnya.
- vi. Memastikan pelajar-pelajar dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan betul dan berkesan.
- vii. Memastikan pelajar-pelajar mematuhi peraturan-peraturan maktab.
- viii. Mengawasi tingkahlaku pelajar-pelajar dari masa ke semasa mahupun di dalam kawasan maktab atau diluar.

c. Bimbingan

- i. Memberi bimbingan dalam pembentukan sahsiah pelajar.
- ii. Memberi bimbingan dalam bidang berkaitan dengan perkembangan kerjaya.
- iii. Memberi bimbingan dalam pengurusan diri dan kesihatan.
- iv. Membimbing dan membantu pelajar dalam hal-hal akademik.
- v. Membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah khususnya masalah emosi.
- vi. Membantu kegiatan bimbingan dan kaunseling secara individu atau kumpulan.



d. Kegiatan

- ii. i. Menggerak dan membimpenasihat mestilah berada bersama-sama pelajar-pelajar ketika satu-satu aktiviti itu berjalan.
- iii. Jika projek atau aktiviti itu dijalankan diluar kawasan maktab, guru penasihat mestilah terlebih dahulu memastikan :-
 - Kawasan yang dipilih adalah sesuai dengan aktiviti yang hendak dijalankan.
 - Langkah-langkah perlu untuk menjamin keselamatan pelajar-pelajar telah diambil dengan teliti.
 - Meneliti dan menandatangani semua surat menyurat.
 - Menghubungi pihak-pihak tertentu diluar Maktab bagi pihak pelajar-pelajar untuk mendapatkan kebenaran atau kemudahan-kemudahan.

e. Rekod dan Laporan

- i. Menyelia dan menyimpan rekod-rekod peribadi, akademik, aktiviti pelajar, ujian-ujian psikologi seperti rekod Konsep Kendiri, personaliti dan rekod kecenderungan kerjaya pelajar.
- ii. Menyediakan laporan-laporan yang berkaitan dengan pelajar untuk keperluan-keperluan tertentu atas permintaan pihak-pihak yang berkenaan seperti :
 - Laporan sahsiah pelajar kepada pihak maktab atau ibubapa/penjaga pelajar.
 - Laporan aktiviti tertentu.
 - Laporan khas individu atau kelompok berkaitan sesuatu perkara.
- iii. Menyediakan surat akuan untuk pelajar.
- iv. Meminta atau mendapat data-data yang berkaitan mengenai pelajar-pelajar dari guru-guru subjek, ibu bapa, pihak pentadbiran dan lain-lain yang berkenaan.
- v. Menyediakan satu laporan tahunan tentang kegiatan Homeroom.
- vi. Menyediakan laporan sahsiah pelajar kepada ibu bapa / penjaga pelajar atau pihak yang berkaitan yang memerlukannya.
- vii. Menyimpan rekod hasil ujian pelajar seperti kedudukan Konsep Kendiri, personaliti dan kecenderungan kerjaya pelajar.

D. Pentadbiran

1. Homeroom ditadbir dan dikendalikan mengikut struktur pentadbiran yang ditetapkan.
2. Butiran peribadi ahli Homeroom hendaklah disimpan oleh penasihat dalam bentuk buku atau fail untuk memudahkan rujukan.



E. Aktiviti Homeroom

1. Aktiviti Homeroom boleh dijalankan mengikut apa yang ditetapkan dan diluluskan oleh pihak maktab.
2. Pertemuan rasmi Homeroom hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sekali seminggu dan masa yang diperuntukkan tidak kurang daripada 30 minit.
3. Pelaporan kegiatan Homeroom dibuat berdasarkan buku laporan kegiatan Homeroom yang ditetapkan.

SISTEM MERIT DIMERIT HOMEROOM

Sistem Merit Dimerit MRSM Betong merupakan sebuah kesinambungan pertandingan daripada program/aktiviti anjuran Unit Pembangunan Homeroom. Penilaian bagi pemenang homeroom terbaik dijalankan berdasarkan skema yang telah ditetapkan oleh Unit Pembangunan Homeroom maktab (UPHR). Antara objektif utama pertandingan homeroom adalah untuk :

- a) Menggalakkan setiap homeroom aktif dalam pelbagai aktiviti
- b) Mendisiplinkan pelajar dalam pelbagai aspek
- c) Menggalakkan peningkatan prestasi akademik secara berterusan
- d) Menjadikan MRSM Betong sebagai sebuah insitusi pendidikan yang menyediakan suasana kekeluargaan yang utuh antara guru, staff dan pelajar

Setiap Homeroom akan diberikan **markah permulaan sebanyak 500 markah** dan penilaian akan bermula pada bulan Januari hingga September. Penganugerahan Homeroom mengikut kategori akan diadakan pada Majlis Anugerah Homeroom . Proses penambahbaikan untuk program ini dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan perkara ini berjalan dengan lancar dan dapat dihayati oleh setiap homeroom.



CARTA ORGANISASI UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM 2021

PENASIHAT

PUAN RAMLAH BINTI SALLEH

PENGERUSI

ENCIK HAFIZAN BIN MOHD HASSAN

PENYELARAS

CIK NADIA SYUHAI DAH BINTI NORDIN

TIMBALAN PENYELARAS

PUAN PRISCILLA FRANCIS LEKOS

SETIAUSAHA

PUAN NURUL IZATI BINTI MOHAMAD KHAIRI

BENDAHARI

ENCIK AHMAD HAFIIZUL AMIN BIN MOHAMAD

PENYELARAS TINGKATAN 1

WAN NURUL IZZATI BINTI WAN KAMIZI

PENYELARAS TINGKATAN 2

ENCIK AHMAD HAFIIZUL AMIN BIN MOHAMAD

PENYELARAS TINGKATAN 3

ENCIK NUR QUSYAIRI BIN MOHAMED FAUZI

PENYELARAS TINGKATAN 4

ENCIK MOHAMAD ZAKY AIMAN BIN YUNOS

PENYELARAS TINGKATAN 5

PUAN NURUL IZATI BINTI MOHAMAD KHAIRI

AJK MODUL

ENCIK NUR QUSYAIRI BIN MOHAMED FAUZI
ENCIK MOHAMAD ZAKY AIMAN BIN YUNOS

AJK MERIT DEMERIT DAN TUGAS KHAS

WAN NURUL IZZATI BINTI WAN KAMIZI

AJK KEUSAHAWANAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT

ENCIK HALIM BIN SAREE



SENARAI NAMA GURU PENASIHAT HOMEROOM 2021

Senarai Guru Penasihat Homeroom Tingkatan 2

- 1.En. Nazrul Muhamin bin Ab Aziz
2. En. Abang Aidil bin Abang Abai
3. Pn. Felicia anak Jajah
4. En. Nicholas anak Nyagang
5. Pn. Gloria anak Muya
- 6.Cik Keliman anak Law
7. En. Charlemagne bin Edward Lagadan
- 8.En Joffesor anak Japai
- 9.Cik Nuramalina binti Zainuddin
10. Pn. Marinda binti Masdar

Senarai Guru Penasihat Homeroom Tingkatan 3

- 1.En. Khairdil bin Su'ut
2. En. Vaenyson Marius Danag
3. Pn. Margaret anak Wong
- 4.En Itam Anak Pata
- 5.Pn. Nurul Izati binti Mohamad Khairi
6. Cik Norliza binti Norshidi
7. Pn. Ketty Ak Alfred Anak Nyatu
8. Pn. Priscilla Francis Lekos
9. Pn. Ima Shuhaida binti Hashim
10. Cik Hasuzielah binti Lok



Senarai Guru Penasihat Homeroom Tingkatan 4

- 1.En. Ahmad Hisyam bin Ab Hamid
2. Cik Wan Nurul Izzati binti Wan Kamizi
3. En. Muhammad Qhairruldin bin Saudi
4. Pn. Nor Hidayu binti Ahmad
5. En. Nukiman bin Sahat
5. Pn. Nurul Fatimah bt Mohd Rosidi
7. En. Jasman bin Jafa
8. Cik Nadia Syuhaidah binti Nordin
9. Pn. Aina binti Md Noh

Senarai Guru Penasihat Homeroom Tingkatan 5

- 1.Pn. Qaireen Elissia binti Agun
- 2.En. Muhammad Mizwar b. Mukhlis
3. En. Ahmad Hafizul Amin bin Mohamad
4. En. Ahmad Nabil bin Ahmad Napis
5. En. Nur Qusyairi bin Mohamed Fauzi
6. En. Noor Mohamad Qadaruddin bin Baharuddin
7. En. Samson
8. Pn. Durra Nadiah bt Kamaruzaman
9. Cik Fathiah binti Muhammad Fadzil
10. Pn. Noraliza binti Shahrom

Senarai Guru Penasihat Homeroom Tingkatan 5 Pro

- 1.En. Amran bin Tura
2. En. Patrick Jimbun anak Guma
3. En. Halim bin Saree
4. En. Azlan bin Ahmad
5. En. Ahmad Yuszaidi bin Zulkifli
6. Cik Nurul Fadzillah binti Saufi
7. En. Muhammad Zulkifli bin Abd Halim
- 8.Cik Rosminun binti Luis
9. En. Mohamaz Zaky Aiman bin Yunos
10. Cik Nurul Atikah binti Ramli